

# Pelajar OKU UMP terima komputer

Pelbagai usaha dilakukan supaya pelajar istimewa di UMP akan mendapat kemudahan yang sama dengan pelajar yang lain

■ MOHD SUKHURI ZAKARIA

**KUANTAN** - Majlis Sumbangan Komputer Riba kepada pelajar istimewa, Siti Hawa Apandi

yang mengambil kursus Diploma Sains Komputer, Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, telah diadakan di Dewan Banquet, Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini.

Majlis sumbangan tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed

Said Mat lela yang menyatakan rasa bertuah UMP kerana memiliki seorang insan istimewa yang menjadi pelajar di sana.

"UMP buat pertama kalinya menerima masukan pelajar OKU pada 29 Jun 2007 bagi sesi kemasukan 2007/08 setelah mempertimbangkan kelayakan pelajar is-

timewa tersebut yang mempunyai kelayakan yang sama seperti pelajar lain.

"Sebelum ini, UMP tidak menerima pelajar OKU kerana tiada kemudahan dan infrastruktur yang lengkap untuk golongan ini. Pelbagai usaha dilakukan supaya pelajar istimewa di UMP mendapat kemudahan yang sama," katanya dalam ucapan perasmian majlis penyampaian tersebut.

Tambahnya, pihak UMP akan menambah dan memperbaiki kemudahan untuk golongan OKU supaya mereka akan dapat mengakses seluruh kawasan UMP dengan mudah dan UMP juga sentiasa menjaga kebajikan semua pelajar.

"Dengan kemasukan Siti Hawa di UMP, diharap ramai pelajar OKU berminat untuk menyambung pendidikan di UMP. Ini membuktikan kepada orang ramai bahawa pe-



Siti Hawa menerima komputer riba daripada Ahmad Tajuddin.

lajar OKU daripada UMP mampu mengambil jurusan kejuruteraan," jelasnya. Sumbangan komputer riba tersebut telah disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman sebagai usaha membantu memudahkan urusan pembelajaran Siti Hawa di UMP.

Menurut Ahmad Tajuddin, usaha yang dilakukan UMP adalah sangat bermakna kepada golongan OKU sebagai dorongan kepada mereka untuk mencapai cita-cita.

"Pengorbanan yang dilakukan oleh kedua ibu bapa Siti Hawa untuk menjaga dan membesarkannya harus disanjung tinggi," jelasnya.